

14/03/1997

Dakwaan Singapura serius: PM

KOTA TINGGI, Khamis - Singapura sebagai rakan Malaysia seharusnya tidak membuat sebarang komen negatif mengenai Malaysia, sebaliknya menumpukan kepada perkara yang baik, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurut Perdana Menteri, republik berkenaan hendaklah melihat negara sendiri, bukannya mengambil tahu urusan orang lain dan membuat kenyataan yang tidak manis.

"Apa yang mereka boleh buat ialah tidak mengata kita. Jangan mengatakan kita tak ada meritokrasi apabila kita tahu Singapura juga tak ada meritokrasi.

"Mereka patut melihat diri mereka sendiri dan jangan mengata kita sebagai perampas kereta. Ini tidak baik dan jika mahu menjadi kawan, katakanlah perkara yang baik," katanya kepada pemberita selepas melawat Sabana Cove di Pengerang dekat sini petang ini.

Menteri Kanan Singapura Lee Kuan Yew dalam afidavitnya terhadap bekas calon pembangkang republik itu, Tang Liang Hong, mendakwa Johor negeri yang terkenal dengan kejadian tembak menembak, menyamun dan merampas kereta.

Berikutan itu, Kabinet semalam meminta Lee menarik balik kenyataannya dan memohon maaf. Memorandum bantahan disampaikan oleh Menteri Luar, Datuk Abdullah Ahmad Badawi kepada Pemangku Pesuruhjaya Tinggi Singapura di Kuala Lumpur, Vanu Gopala Menon.

Bagaimanapun, Lee menerusi kenyataan yang dihantar Setiausaha Akhbarinya, Yeong Yoon Ying Kuan petang ini, meminta maaf dengan penuh ikhlas kepada kerajaan dan rakyat Malaysia kerana kenyataan itu.

Dr Mahathir ketika ditemui pemberita di Sebana Cove malam ini menyifatkan tindakan Lee memohon maaf sebagai langkah yang boleh mengeratkan hubungan kedua-dua negara.

Beliau berkata, Lee meminta maaf selepas kerajaan Malaysia mendesaknya berbuat demikian.

"Saya tidaklah gembira atau pun sedih mendengar berita itu," katanya.

Ditanya sama ada Malaysia akan memanjangkan isu berkenaan, Dr Mahathir berkata, beliau perlu mendapatkan pandangan pihak lain dan setakat ini tidak wajar berbuat sesuatu.

Kepada soalan bahawa Lee menganggap kenyataannya yang dibuat di kamar hakim dan bukan secara terbuka, Dr Mahathir berkata, kenyataan itu menggambarkan apa yang tersurat di hati bekas Perdana Menteri negara jiran itu.

"Tapi saya tidak akan membuat susulan ke atas perkara ini," katanya.

Ditanya sama ada beliau melihat perkembangan terbaru itu sebagai positif, Perdana Menteri menjelaskan bahawa beliau sering melihat sesuatu itu secara positif melainkan pihak lain beranggapan sebaliknya.

"Saya sering melihat sesuatu secara positif, melainkan orang melihat saya sebagai negatif, jadi perkara itu akan menjadi negatif," katanya.

Sebelum itu, Dr Mahathir berkata, Lee tidak sedar bahawa kenyataannya dalam afidavit itu, yang dianggap oleh bekas Perdana Menteri Singapura itu sebagai peribadi, akan didedahkan kepada rakyat Malaysia.

"Tetapi beliau juga tidak sepatutnya menyebut perkara demikian sekalipun ia secara peribadi. Inikan pula secara rasmi dengan memasukkannya dalam afidavit," katanya.

Perdana Menteri juga melihat tindakan Lee itu tidak bermotifkan apa-apa melainkan dalam usahanya membuktikan kepada mahkamah bahawa Johor bukanlah

tempat untuk seseorang menyelamatkan diri atau lebih selamat daripada Singapura.

Bagaimanapun beliau mengakui kerajaan sering bermasalah dalam mengeratkan hubungan dengan Singapura dan memberi dua contoh iaitu kes membabitkan pangkalan tentera laut di Woodlands dan stesen keretapi di Tanjung Pagar.

Menurut Dr Mahathir, Malaysia dengan rela hati menyerahkan semula pangkalan tentera laut itu kepada Singapura selepas republik berkenaan menimbulkan pelbagai kesulitan termasuk menaikkan kadar sewanya.

Dalam kes kereta api, katanya, Singapura cuba mendesak stesen itu dipindahkan dari Tanjung Pagar sekalipun Malaysia berhak beroperasi di atas tanah itu selama 999 tahun.

"Ada banyak lagi masalah berhubung dengan kereta api ini, tapi kita tak cerita dengan orang lain. Kita mahu mengekalkan hubungan baik dengan Singapura," katanya.

Sebelum itu, selepas menyaksikan majlis menandatangani perjanjian pembelian tanah kawasan perindustrian Tanjung Langsat antara Perbadanan Johor dan Kumpulan Titan di Senai, Dr Mahathir menyifatkan kenyataan Lee dalam affidavit berkenaan sebagai serius.

Walaupun Malaysia mahukan hubungan lebih rapat dengan republik itu, sering berlaku masalah kerana banyak perkara berbangkit yang menjejaskan usaha berkenaan.

"Banyak yang tidak diketahui oleh umum. Hubungan setiakawan dengan Singapura memerlukan usaha bersungguh kerana ada ketikanya kita terlepas cakup dan terlanjur laku yang sukar untuk kita menjadi mesra," katanya.

Ketibaan Dr Mahathir dan Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali dalam rangka lawatan dua hari ke Johor pagi ini, disambut oleh kira-kira 200 ahli Pemuda Umno negeri. Mereka menjulang pelbagai poster dan kain rentang membantah kenyataan bekas Perdana Menteri Singapura itu.

(END)